

# Tambah baik akta pantau kandungan media siber



Oleh Dr Syed Agil Alsagoff  
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan  
Media dan  
Komunikasi, Fakulti  
Bahasa Moden  
dan Komunikasi,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)

**Saranan** kerajaan untuk mewujudkan satu lagi akta bagi mengawal selia kandungan dan teknologi media siber seperti dicadangkan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil adalah langkah pragmatik untuk menangani isu kandungan palsu dan boleh menjurus kepada anarki di negara ini.

Pendekatan ini dilihat langkah proaktif kerajaan memastikan kandungan media siber dapat ditapis dan mencerminkan estetika budaya masyarakat di negara ini.

Penguatkuasaan peraturan dalam kebanyakan akta media disifatkan memberi tekanan kepada pihak media untuk bersikap objektif dalam pemberitaan maklumat, manakala semua media arus perdana harus

bertindak memihak kepada agenda politik kepartian suatu masa lalu.

Ini menyebabkan ranking media terjejas dan tidak digemari majoriti rakyat. Apatah lagi pengaruh media arus perdana harus menyaingi kehebatan teknologi media siber yang menjadi pilihan memperoleh maklumat pantas, lebih sensasi.

Kebanyakan generasi muda menganggap dunia media siber adalah harapan masa depan untuk menyaingi ledakan kandungan maklumat hari ini yang mengubah budaya serta pemikiran mereka.

Dalam keghairahan mencipta fenomena kebebasan bermaklumat ini, kita sering lupa tidak semua maklumat diperoleh boleh dipercayai atau berwibawa.

Suatu sistem pengawalan selia kandungan media siber lebih menyeluruh dan mudah difahami rakyat harus diperkenalkan supaya pengguna tidak terpengaruh dengan kandungan jelik atau bersifat fitnah serta penipuan.

Hal seumpama ini akan menjadikan masyarakat lebih matang mendepani impak arus teknologi media pantas berkembang dan bagaimana masyarakat dapat berperanan menjadi golongan prihatin terhadap gejala buruk media yang boleh merosakkan psikologi dan peradaban.

Justeru, kerajaan disaran meneliti dan memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia (Akta 588) dengan mewujudkan lebih banyak subkod pengawalseliaan kandungan meliputi pelbagai dimensi peranan dan penggunaan media siber.

Tidak perlu banyak akta media digubal bagi menangani cabaran dan masalah media siber, sebaliknya kerajaan disaran memanfaatkan akta media sedia ada dengan memperkenalkan peraturan baharu yang dapat menyelesaikan masalah membatas peraturan kandungan media.



Dalam mengharungi cabaran ini, penubuhan Majlis Media Kebangsaan dilihat memberikan nafas baharu kepada industri media untuk mengemudi hala tuju bidang itu dan memperkasa peranan media dengan lebih efektif kepada masyarakat.

Ia juga memberikan manfaat kepada pengguna media kerana mereka akan dilindungi peraturan akan mengawal, mengekang dan menentukan cita rasa, khususnya generasi siber di negara ini.

Namun, beberapa cabaran dan pendekatan harus diambil kira bagi memastikan kebebasan media benar-benar menjadi kenyataan dan bukan impian tidak tertunai antaranya:

- Menggalakkan lebih banyak pembabitan masyarakat dalam kempen memilih bahan kandungan media berfaedah.
- Menyalurkan penjelasan isu dan maklumat tepat kepada masyarakat menerusi saluran media supaya dapat diyakini pengguna.
- Mengiktiraf dan menghargai pengguna media dalam kalangan generasi muda untuk memberikan mereka lebih banyak ruang menggunakan media lebih kreatif, mencipta pelbagai produk media inovatif bukan sahaja dalam negara, tetapi di pentas global.
- Galak lebih banyak kandungan maklumat tempatan yang dapat memenuhi sistem maklumat media dengan memberi penekanan kepada mekanisme pemberitaan maklumat kepada aspek sayangkan negara dan pemeliharaan keharmonian kaum.
- Pendidikan penggunaan media berhemah dan efektif perlu dibangunkan sejak peringkat prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Justeru, sekiranya kerajaan masih berusaha untuk menubuhkan Majlis Media Kebangsaan, ia harus mengambil kira pendekatan boleh memberi harapan baharu kepada industri media, dengan menyemarakkan lagi pembabitan masyarakat terhadap aktiviti media berfaedah kepada mereka.